

PM komited usaha bangun ekonomi negara

PUTRAJAYA 24 Feb. - Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di tiga program berkaitan ekonomi hari ini adalah cerminan komitmen dan kesungguhan kerajaan terhadap usaha pembangunan ekonomi negara dalam mengharungi keadaan ekonomi dunia yang mencabar.

Jadual Perdana Menteri bermula dengan merasmikan bangunan baharu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) iaitu agensi utama yang bertanggungjawab terhadap perkembangan sektor ekonomi sebelum bertemu dengan para usahawan belia bumiputera yang bertanggungjawab menerajui perniagaan dan

perdagangan.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataannya memaklumkan, Najib kemudiannya beramah mesra bersama lebih 600 peserta program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (Tube) dan akhir sekali melawat Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa (MITEC) yang dibangunkan oleh Naza TTDI Sdn. Bhd.

“Menerusi program pertamanya, Perdana Menteri merasmikan bangunan baharu MITI setinggi 31 tingkat yang terletak di di Kuala Lumpur yang merupakan satu testimoni usaha kerajaan dalam memajukan sektor perdagangan dan perindustrian negara.

“Beliau menekankan kepentin-

gan agar agensi kerajaan yang terabit seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk memantau kualiti pelaburan supaya kekal relevan dengan kedudukan ekonomi semasa selain menggesa usaha berterusan bagi meningkatkan jumlah dagangan eksport negara,” kata kenyataan itu di sini hari ini.

Ketika bersama 600 peserta Tube (cetusan idea Perdana Menteri pada 2014) beliau memaklumkan, objektif penubuhan Tube ialah untuk meningkatkan pendapatan belia bumiputera yang berpendapatan rendah.